

## **PENULISAN ESEI**

**TAJUK ESEI : Langkah Menghadapi Gangguan Teknologi**

**PENULIS: Wan Ainul Mardhiah Wan Azlan**

*Tarikh diterbitkan: 28 Januari 2021*

Menjadi muslim yang komprehensif dan seimbang serta versatil dalam arus kemodenan teknologi masa kini menjadi tuntutan. Teknologi yang semakin berkembang mengubah cara hidup dan ruang seseorang seharian. Perubahan harus dilakukan jika seseorang itu tidak mahu ditinggalkan zaman. Manakala, jika tetap pada posisi yang sama seseorang itu tidak lagi menjadi relevan. Walau bagaimanapun, sebagai seorang muslim perubahan teknologi tidak menjadi pembantut untuk menjalani gaya hidup yang disyariatkan syarak oleh kerana Islam adalah relevan sepanjang zaman. Perubahan teknologi ini adalah gangguan teknologi. Menurut Millar et al. (2018), gangguan dari sudut perbahasan teknologi atau inovasi boleh ditakrifkan sebagai ‘perkhidmatan, produk dan sesuatu gerak kerja atau proses yang sebelum ini tidak lagi diguna pakai oleh sebab perubahan yang baharu telah tercipta.’

Gangguan teknologi atau perubahan teknologi ini seperti perubahan dalam cara berbisnes, cara perindustrian malahan gaya hidup kita sendiri. Terdapat beberapa perkara negatif apabila berlakunya perubahan dalam teknologi seperti kata Nur Aisyah (2019), teknologi berkembang dan wujudnya mesin canggih yang mampu menyelesaikan pekerjaan dengan pantas boleh mengurangkan tenaga kerja dalam organisasi. Melalui situasi ini, jika dilihat pada sudut lain ia boleh mengurangkan peluang pekerjaan seperti tenaga buruh kepada masyarakat. Di samping itu, menurut Sharipah (2017) selain kebaikan dan kelebihan yang ada pada teknologi terdapat juga keburukan pada teknologi antaranya jenayah siber berleluasa dan boleh menggalakkan plagiarisme dalam pembelajaran. Sebagai seorang muslim, terdapat beberapa usaha yang perlu dilakukan bagi menghadapi gangguan teknologi yang negatif antaranya ialah beretika dalam menggunakan teknologi dan menguruskan masa dengan produktif serta memperbanyak ilmu pengetahuan.

Sesuatu perkara atau elemen harus diselarikan dengan etika. Atau kata lain, tatasusila dan tatatertib. Normalisasi sebagai seorang muslim dan adat melayu yang penuh tatasusila untuk

melakukan sesuatu perkara dalam kehidupan seharian mengikut adab sebagaimana yang disarankan oleh syarak. Menurut Saravanan (2018), “Etika adalah suatu kayu ukur tentang perbuatan dan amalan kehidupan manusia yang merangkumi perbuatan betul atau salah dan perbuatan jahat atau baik. Etika ini menjadi nilai moral dan pegangan individu atau sesebuah kumpulan dalam masyarakat.” Bagaimana cara untuk menghadapi perubahan dan gangguan teknologi secara seimbang adalah melalui etika. Tidak dinafikan lagi, usaha kerajaan untuk memberi pendedahan etika dan undang-undang serta peraturan seperti membuat kempen kesedaran, memberi ceramah melalui agensi, dan menyebarkan pesanan dalam media sosial. Namun, sebagai masyarakat yang patuh dan menyahut seruan kerajaan semestinya mempunyai etika dan tata tertib selaku individu dan masyarakat yang unggul.

Menurut Dr. Amini (2012), sebagai orang Islam kita seharusnya menunjukkan perbuatan yang digaris pandu oleh syariat kerana setiap kelakuan akan dihitungkan di akhirat kelak walaupun sebesar zarah. Hal ini seperti firman-Nya dalam Surah Al-Taubah ayat 105: “Dan Katakanlah: "Bekerjalah kamu, maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang mukmin akan melihat pekerjaanmu itu, dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui akan yang ghaib dan yang nyata, lalu diberitakan-Nya kepada kamu apa yang telah kamu kerjakan.” Tegasnya, menjaga etika dan mengikut garis panduan boleh membantu kita dalam mendepani sesuatu cabaran.

Seterusnya, pengurusan masa. Pengurusan adalah sesuatu elemen penting dalam menjaga dan mendisiplinkan diri untuk mencapai target serta mencapai kesejahteraan dalam hidup. Pengurusan ini haruslah dengan bijaksana dan produktif. Segala tanggungjawab akan dibuat bersungguh-sungguh dan sistematik. Antara teknologi sebagai contohnya, gajet adalah salah satu teknologi yang dicipta untuk memudahkan urusan. Namun melalui ini, bagaimana ibu bapa dan anak-anak mereka dengan masa seharian mereka dengan gajet. Begitu juga sebagai seorang pelajar di era pandemik, bagaimana mereka mahu menguruskan masa belajar atas talian mereka. Begitu juga sebagai seorang yang menjalankan bisnes secara atas talian semua itu memerlukan pengurusan masa dengan betul. Selain menyiapkan kerja dan tugas kita juga memerlukan waktu rehat dan waktu berhibur. Jadi, bagaimana cara kita berhibur namun dalam masa yang sama kita harus mengawal masa agar tidak berlebihan dalam menggunakan gajet dan teknologi kerana ia boleh membawa kepada ketagihan. Penggunaan media sosial seperti yang kita tahu berkait rapat

seperti ini dengan kaku kerana tiada gajet dan teknologi maka tiadalah platform media sosial. Peruntukan masa kita dengan media sosial dan masa untuk beriadah haruslah seimbang demi menjalankan gaya hidup yang sihat dan sejahtera. Oleh itu pengurusan masa dan jadual sangat penting dalam aktiviti seharian yang dijalankan.

Di samping itu juga, sebagai seorang muslim dan individu yang kompeten pembacaan dan pengetahuan penting untuk mengatasi cabaran era globalisasi moden sekarang. Menjadi kompeten dan berdaya saing boleh memajukan diri, bangsa dan menyinarkan agama. Maka, untuk menjadi masyarakat dan muslim yang maju berkembang kita harus menyediakan diri dengan ilmu pengetahuan, pendedahan dan pembacaan yang konsisten dan bernas untuk membuka minda. Sebagai contoh, jenayah siber boleh dikurangkan jika ada dalam kalangan kita mahir ICT dan boleh bergerak bersama agensi kerajaan untuk menyekat jenayah tersebut. Begitu juga, bagi setiap individu haruslah mengetahui pendedahan tentang jenayah siber atau apa-apa sahaja keburukan teknologi. Pembacaan dan pendedahan ilmu ini bukanlah hanya membaca teks fizikal atau buku semata-mata. Banyak platform seperti akhbar online, jurnal online malah penggunaan media sosial yang tak asing lagi dengan diri kita juga tidak terlepas dalam menjadi ejen bahan bacaan dan informasi. Jadi, dengan ilmu yang ada pada seseorang ia boleh menjadi benteng dan kuasa untuk mengatasi pancaroba khususnya di zaman teknologi yang pesat ini.

Akhir kalam, teknologi boleh menjadi alat untuk kita meneruskan pekerjaan dalam hidup dan ia juga boleh menjadi punca kejahatan dan keburukan dalam hidup. Jadi kita mestilah mengatasi keburukan gangguan teknologi ini dengan mengamalkan etika dalam menggunakan kemudahan lebih-lebih lagi sebagai seorang muslim. Pengurusan masa juga penting kerana masa tidak boleh diundur lagi. Jika baik dan bermanfaat akan masa terluang, maka baik sesuatu pekerjaan yang lain. Akhir sekali, pendedahan dan pengetahuan harus dikuasai oleh setiap dari kita khususnya orang Islam untuk menjadi masyarakat yang bertamadun.

Rujukan:

1. Al-quran
2. TafsirQ.com, Tafsir Al-Quran online
3. Carla Millar, Martin Lockett, Ted Ladd (2018). Researchgate.net, *Disruption: Technology, innovation and society*
4. Saravanan Anna malai (2018). Researchgate.net, *ETIKA : SEBAGAI PANDUAN HIDUP*
5. Dr. Amini Amir Bin Abdullah (2012). Etika Digital Dan Berinternet. *Jurnal Penyelidikan Islam, Bil 25(4)*, 13. [http://www.myjurnal.my/filebank/published\\_article/34225/Article\\_4.PDF](http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/34225/Article_4.PDF)
6. Nur Aisyah Kadir (2019). Researchgate.net, *Kesan negatif teknologi*
7. Sharipah Ab Gani (2017). Researchgate.net, *KEBAIKAN DAN KEBURUKAN TEKNOLOGI MAKLUMAT*